

SUKATAN PEPERIKSAAN BAYARAN INSENTIF TUGAS KEWANGAN (BITK)

1. Matlamat sukatan : Untuk menentukan bahawa undang-undang dan peraturan mengenai kewangan dan perakaunan kerajaan difahami dan diketahui penggunaannya dalam segala urusan harian. Pengetahuan ini penting bagi mengelakkan berlakunya kesilapan dalam pengurusan kewangan kerajaan.
2. Tujuan peperiksaan : Untuk membolehkan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) dan skim perkhidmatan lain yang setaraf dan skim perkhidmatan lain yang lebih rendah yang sedang menerima BITK RM40.00 sebulan, Pembantu Akauntan dan Pembantu Tadbir (Kewangan) memiliki sijil bagi melayakkan mereka dibayar BITK RM80.00 sebulan.
3. Pegawai yang layak menduduki peperiksaan : Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) dan skim perkhidmatan lain yang setaraf dan skim perkhidmatan lain yang lebih rendah yang sedang menerima BITK RM40.00 sebulan, Pembantu Akauntan dan Pembantu Tadbir (Kewangan).
4. Sukatan peperiksaan : Soalan-soalan yang akan ditanya kepada calon-calon adalah berdasarkan kepada perkara-perkara berikut :-
 - i. Pengurusan dan Kawalan Belanjawan
 - ii. Perakaunan Amanah, Deposit dan Panjar
 - iii. Pengurusan Terimaan
 - iv. Pengurusan Perolehan Kerajaan
 - v. Pengurusan Bayaran Emolumen
 - vi. Pengurusan Pembayaran
 - vii. Pengurusan Akaun
 - viii. Pengurusan Aset
 - ix. Pengenalan kepada Perakaunan Akruan

Bahan Rujukan

- i. Arahan Perbendaharaan
- ii. Pekeliling dan Surat Pekeliling Perbendaharaan Terkini (yang berkaitan dengan kewangan)
- iii. Pekeliling dan Surat Pekeliling Perkhidmatan yang berkaitan dengan gaji dan elaun
- iv. Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia terkini
- v. Perintah Am Bab B (Elaun-elaun) dan Bab G (Waktu bekerja dan elaun lebih masa)
- vi. Ruangan/tab sumber rujukan di “Portal Perakaunan Akruan” (Portal tersebut boleh dilayari melalui Portal Rasmi JANM).

Bentuk soalan : Objektif (Aneka pilihan – merangkumi teori dan kajian kes)

Jumlah Soalan : 40 (jawab semua soalan)

Masa : 1 ½ jam

Markah : 40

Calon-calon tidak dibenarkan merujuk kepada apa-apa bahan rujukan.

5. Keputusan : Lulus / Gagal

6. Bahasa (soalan & jawapan) : Bahasa Malaysia

7. Permohonan dikemukakan kepada : Urusetia Peperiksaan BITK
Bahagian Pembangunan Perakaunan dan Pengurusan
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Aras 6, No. 1 Persiaran Perdana
Kompleks Kementerian Kewangan,
Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62594 Putrajaya
- Bagi permohonan daripada Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) dan skim perkhidmatan lain yang setaraf dan skim perkhidmatan lain yang lebih rendah, Ketua Jabatan hendaklah mengesahkan anggota berkenaan sedang menerima BITK RM40.00 sebulan di dalam permohonan.
8. Kekerapan peperiksaan : Sekurang-kurangnya 1 kali setahun
9. Tarikh akhir mengemukakan permohonan : Tertakluk kepada takwim peperiksaan yang dikeluarkan
10. Syarat-syarat lain : Tertakluk kepada fasal 3 di atas, Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) dan skim perkhidmatan lain yang setaraf dan skim perkhidmatan lain yang lebih rendah yang telah memiliki sijil Peperiksaan BITK tetapi tidak menerima BITK selama lima (5) tahun atau lebih secara berterusan, perlu menduduki semula dan memperolehi sijil peperiksaan ini dibayar BITK RM80.00 sebulan.